

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA**

---

**Panduan Mengisi Jadual Penukaran Kod  
Program/ Aktiviti – JAN/ MD 018B**

## JABATAN AKAUNTAN NEGARA

### PANDUAN MENGISI BORANG JADUAL PENUKARAN KOD PROGRAM/ AKTIVITI JAN/ MD 018B

#### 1. Pengenalan

- a. Jadual Penukaran Kod Program/ Aktiviti (JAN/MD 018B) perlu disediakan sekiranya sesuatu kod program/ aktiviti telah dibatal atau telah ditukar bagi kegunaan perakaunan dalam tahun kewangan baharu.
- b. Jadual penukaran hanya boleh dibuat antara satu **kod** program aktiviti **lama** dengan satu **kod** program/ aktiviti **baharu** sahaja.
- c. **Penting** – Borang ini perlu disediakan jika **kod** program/ aktiviti 2023 dan 2024 adalah berlainan manakala maksud perihal adalah tidak berubah.

#### 2. Penyediaan

Medan yang perlu diisi oleh Kementerian/ Jabatan (Kem/ Jab):

##### 1. **Kementerian/ Jabatan**

Catatkan nama Kem/ Jab seperti yang terdapat di dalam senarai kod Kem/ Jab yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN).

##### 2. **Kod Kementerian/ Jabatan** (Tahun semasa dan tahun baharu) Catatkan kod Kem/ Jab berpandukan senarai di **Lampiran A**.

##### 3. **Perihal Program/ Aktiviti** (Tahun semasa)

Catatkan perihal program/ aktiviti bagi tahun semasa.

##### 4. **Kod Vot Prog/ Akt** (Tahun semasa)

Catatkan kod vot dan diikuti kod program/ aktiviti bagi tahun semasa. Contohnya, B10 010100.

##### 5. **Kod Vot Prog/ Akt** (Tahun baharu)

Catatkan kod vot dan diikuti kod program/ aktiviti bagi tahun baharu.

##### 6. **Perihal Program/ Aktiviti** (Tahun baharu)

Catatkan perihal program/ aktiviti bagi tahun baharu.

##### 7. **Untuk Pengesahan**

Sila tandatangan dan catatkan nama, nombor telefon dan alamat e-mel dengan jelas untuk memudahkan pengesahan dan perhubungan.